

iFoSAC himpункan pakar sains makanan, agroteknologi

Kuala Lumpur: Persidangan Sains Makanan dan Agroteknologi Antarabangsa 2018 (iFoSAC 2018) anjuran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), baru-baru ini menjadi platform menghimpunkan pakar dalam bidang berkenaan sama ada dari dalam dan luar negara.

Program selama dua hari bertempat di UMT yang dianjurkan melalui Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan (PPSTM) itu untuk menggalakkan kerjasama dan jaringan perkongsian ilmu dalam kalangan peserta.

Dekan PPSTM, Prof Madya Dr Amiza Mat Amin, berkata program bertema 'Memperkasakan Kemampanan Makanan' itu menampilkan perkongsian

kepakaran serta penemuan inovasi baharu dalam bidang berkenaan.

"Sebanyak 17 hasil penyelidikan dalam bentuk poster dibentangkan pada program itu, manakala sebanyak 48 hasil penyelidikan dibentangkan secara lisan.

Aktiviti ilmiah

"Sebanyak 46 hasil penyelidikan daripada persidangan ini bakal diterbitkan melalui SCOPUS Malaysian Applied Biology Journal (MAB), iaitu pangkalan data bibliografik yang mengandungi abstrak dan sitasi untuk artikel jurnal akademik," katanya.

Dr Amiza berkata, sepanjang persidangan itu, peserta berpeluang mengikuti aktiviti berilmiah seperti



Tetamu kehormat dan peserta IFoSAC 2018 bergambar bersama-sama.

mendengar syarahan oleh pakar sains makanan dan agroteknologi dari Universitas Jember, Indonesia, Prof Ir Achmad Subagio.

Selain itu, mereka juga

mendapat perkongsian ilmu daripada tokoh berpengalaman, Dr Mohd Shukri Mat Ali dari Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Persidangan yang dihadiri 65 peserta, termasuk dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Jordan itu turut membabitkan pakar daripada universiti awam

seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK).